

09 JAN 1998

Mahathir-Pekerja

TIDAK RAMAI PEKERJA YANG DIBERHENTI, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tidak ramai pekerja yang telah diberhentikan kerja berikutan masalah ekonomi yang dihadapi negara pada masa ini.

Katanya, sekalipun seseorang itu diberhentikan kerja, dia tidak akan menghadapi banyak masalah mencari pekerjaan lain kerana peluang yang begitu banyak di negara ini.

"Negara kita mempunyai `unemployment minus'... iaitu kita terpaksa bergantung kepada tenaga asing," katanya dalam wawancara khas "Pengguna dan Ekonomi" dalam program siaran langsung Malaysia Hari Ini (MHI) terbitan TV3.

Dr Mahathir berkata pada masa ini, rakyat tidak sepatutnya bersikap "berkira" atau memilih pekerjaan, sebaliknya harus sanggup membuat kerja-kerja yang selama ini dilakukan oleh pekerja asing.

"Tak patut kita tak bekerja sedangkan orang asing bekerja," katanya ketika menjawab soalan yang dikemukakan seorang penonton melalui faksimili mengenai nasib golongan pekerja yang diberhentikan pada masa kegawatan ekonomi sekarang.

"Tapi kita kena sanggup, kalau dulu kita kerja dalam (firma broker) pasaran saham dan mendapat pendapatan tinggi, sekarang ini kita kena sanggup melakukan kerja yang pendapatannya kurang dan kerja yang berlainan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata rakyat seharusnya ingat bahawa dalam memulihkan keadaan ekonomi diri sendiri dan negara, mereka perlu sanggup menerima pendapatan yang berkurangan daripada yang diperolehi dahulu.

Sejak kegawatan ekonomi melanda negara-negara Asia Tenggara Julai lepas, pemberhentian kerja melibatkan ribuan pekerja telah dilaporkan di Thailand dan Indonesia, dua negara yang telah "menyerah diri" kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Dalam program kira-kira satu setengah jam itu, Dr Mahathir turut ditanya mengenai iktibar yang boleh diambil oleh semua pihak daripada keadaan negara sekarang.

Katanya: "Bila ada cabaran, maka ada juga kemampuan yang kita tidak sangka yang akan timbul pada ketika itu. Inilah masanya kita harus membangkitkan semangat, mengatasi cabaran."

Dr Mahathir berkata kalau tiada cabaran seseorang akan menjadi begitu lemah tetapi apabila menghadapi sesuatu cabaran, dia akan menemui satu kekuatan yang datang daripada tenaga dalaman yang kadang-kala tidak disedari kewujudannya.

"Kita bila dihadapi dengan cabaran, biasanya menimbulkan reaksi dengan kekuatan yang kadang-kadang kita tak sangka ada dalam diri kita, dan kita harus guna kekuatan itu," katanya.

Ketika ditanya mengenai kewajaran menaikkan gaji pekerja seiring dengan kenaikan harga barangan, Dr Mahathir berkata kenaikan harga barangan tidak dapat "dikejar" dengan kenaikan gaji kerana harga barangan akan naik dengan lebih lagi berikutan kenaikan gaji.

"Bila kita dapat kenaikan gaji, itu juga akan meningkatkan kos pengeluaran apa juga barangan yang dikeluarkan oleh pekerja itu. Oleh itu barangan itu pula naik harga.

"Bila barangan itu naik harga, orang lain yang nak membeli barangan itu juga menghadapi kesulitan dan dia pula meminta supaya mendapat gaji yang tinggi dan menyebabkan `wage price spiral' (pusingan antara upah dan

harga)," katanya.

Dr Mahathir berkata, majikan sepatutnya mencuba sedaya-upaya untuk tidak menaikkan upah dan sekiranya perlu juga berbuat demikian, mereka mestilah meningkatkan produktiviti syarikat.

"Produktiviti mesti kita tingkatkan. Jika kita keluarkan lebih banyak dan kualiti lebih baik, ia boleh mendatangkan hasil lebih banyak kepada syarikat, dengan itu syarikat mampu memberi upah lebih tinggi," katanya. --

BERNAMA

RAZ NMO